# PRODUCT DISCLOSURE SHEET
# CASH LINE FACILITY-i

| | |
|---|---|
| **Please read and understand this Product Disclosure Sheet (PDS) before you decide to take up the Cash Line Facility-i. Be sure to also read and understand the terms in the Letter of Offer and Facilities Agreement. You are hereby reminded to always seek and obtain your own independent legal advice. Kindly seek clarification from AmBank Islamic Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms stated herein.** | **AmBank Islamic Berhad**<br><br>**Cash Line Facility-i**<br><br>**Effective Date: 30 November 2022** |

**1. What is this product about?**

Cash Line-i Facility ("Cash Line-i") is a Shariah-compliant revolving financing facility made available through a current account-i where negative balance position is allowed up to the facility's approved limit. Fund is drawn from current account-i by issuing cheques, instruction to AmBank Islamic to debit the current account-i to effect payment and instruction to AmBank Islamic to debit the current account-i for remittance of payment, issuance of banker's cheques, bank draft and cashier's order.

**2. What are the Shariah concepts applicable?**

Cash Line-i is structured based on *Tawarruq* concept with embedded Shariah contracts of *Wakalah*, *Murabahah* and *Wa'd*

*Tawarruq* (Tripartite sale) is an arrangement on purchasing and selling of commodity. It consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of commodity by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same commodity to a third party on a cash and spot basis.

*Wakalah* (Agency) means a contract in which a party, as principal (*muwakkil*) authorises another party as his agent (*wakil*) to perform a particular task on matters that may be delegated with or without imposition of a fee. In this product, you appoint the Bank as an unrestricted agent to perform the Tawarruq arrangement.

*Murabahah* (Cost plus profit) means a sale and purchase of commodity where the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the purchaser.

*Wa'd* (Undertaking/Promise) is a unilateral promise or undertaking which refers to an expression of commitment given by the Customer to the Bank to perform certain action(s) in the future.

The *Tawarruq* arrangement shall be arranged as follows:

i. You appoint the Bank as your agent to purchase commodity from the Bank and to sell the commodity to any third party.
ii. Pursuant to your purchase request and undertaking, the Bank will purchase commodity from any third party at cost.
iii. The Bank sells the commodity to you at the Asset Sale Price on deferred payment basis. You are entitled to request and take physical delivery of the commodity at your own cost and expenses.
iv. The Bank sells your commodity on your behalf to any third party for a price equal to the financing amount.
v. The proceed of the sale shall be disbursed to you as per the agreed terms and conditions.

**3. What do I get from this product?**

(a) Tenure:____________(subject to maximum of 10 years)
(b) Profit Rate structure:
Fixed Rate
Fixed rate or one-time benchmark against Islamic Cost of Fund or Base Financing Rate ("BFR") or any other base rate approved by the approving authority. The rate is fixed throughout financing tenure.
Variable Rate
Variable rate pegged against Islamic Cost of Fund or Base Financing Rate or other base rate approved by the approving authority with a maximum profit amount determined upfront based on capping rate.
(c) Ceiling rate:_________(applicable to variable rate)
(d) Financing amount:_______________.
(e) Foreign currencies offered: Subject to customer request and availability of the currency.
(f) Asset Sale Price

Formula for Asset Sale Price calculation:
Asset Sale Price = Purchase Price (Principal/financing amount) + profit amount

Formula for profit amount calculation:
Profit Amount = Purchase Price x profit rate x tenure / 365 or 366 days

Illustration for Asset Sale Price Calculation:

| | |
|---|---|
| Purchase Price (Principal/financing amount) | RM500,000 |
| Profit rate | 5.2% p.a. |
| Tenure | 5 years |
| Profit Amount | RM130,000 |
| Asset Sale Price | RM630,000 |

**4. What are my roles and responsibilities?**

a) You are required to settle the full Asset Sale Price amount on the maturity date.
b) You are required to ensure sufficient fund in your current account with us to debit fees and charges.
c) You are required to ensure the Cash Line Facility-i limits are active and sufficient for utilisation.

**5. What are the fees and charges I have to pay?**

| No. | Type of Fees and Charges | Tariff |
|---|---|---|
| 1 | **Stamp Duty** | As per Stamp Duty Act 1949 (Revised 1989) |
| 2 | **Legal Fee** | As prescribed by solicitors |
| 3 | **Valuation Fee** | As prescribed by valuers |
| 4 | **CGC Guarantee Fee** | As prescribed by CGC |
| 5 | **Takaful Contribution** | As prescribed by takaful providers if applicable |
| 6 | **Trading Fee** | Standard rate as may be imposed from time to time by Bursa Malaysia Islamic Services Sdn Bhd's ("BMIS") or such other commodity trading platform as may be approved by the Bank |
| 7 | **Late Payment Charge** | Refer to item '6' below |
| 8 | **Early Settlement Charge** | Refer to item '7' below. |
| 9 | **Other Fees** | Registration of charge, land search and bankruptcy search fees |

Note:

- The fees or charges quoted are inclusive of the prevailing taxes. Should there be any change in the taxes rate or applicability on any fees or chargers due to the changes, the Bank has the right to change the amount payable.
- If there are any changes to the fees and charges, the Bank will communicate to you at least twenty-one (21) calendar days prior to the effective date of such changes being implemented.

**6. What if I fail to fulfil my obligations?**

(a) In the event you refuse or fail to effect the purchase, you shall be held liable for the breach of the promise and shall compensate for all the actual costs incurred by the Bank in purchasing the commodity, its disposal to a third party and the shortfall between the disposal price and the purchase price (if any).

(b) You hereby agree and acknowledge that the Bank shall be entitled to impose and demand from you the late payment charges for the failure of you to make:

i. Payment of any sum covenanted to be paid by you to the Bank; and/or

ii. Payment upon expiry or cancellation of Cash Line Facility-i at the rates mentioned in the table below.

| No. | Applicable Period | Late Payment Charges Rate | On the Amount |
|---|---|---|---|
| 1 | Within facility tenure | 1% per annum calculated on daily basis. | i. On the overdue instalments, to be calculated after the due date until full settlement of the overdue instalments; and/or<br>ii. On the outstanding balance, to be calculated from the date of cancellation until full settlement of the outstanding balance. |
| 2 | After maturity date | Islamic Interbank Money Market ("IIMM") rate per annum calculated on daily basis. | On the outstanding balance, to be calculated from the date of maturity until full settlement. |
| 3 | After the Bank had obtained court judgment against the customer | At IIMM rate per annum calculated on daily basis from the date of court judgment to the settlement date. | On the outstanding balance (excluding legal costs and late payment charges as stated in the judgment), to be calculated from the date of judgment until full settlement of the judgment sum. |

<u>Note:</u>

i. Late payment charges shall not be compounded.

ii. Total late payment charges shall not be more than the outstanding principal.

iii. Late payment charges and method of calculation thereof are subject to change as may be prescribed by Bank Negara Malaysia.

iv. Outstanding balance refers to outstanding principal and earned profit.

v. Late payment charges are cumulative and subject to the applicable period.

(c) Right to set-off: The Bank has the right to utilize any credit balance in your account(s) maintained with us to settle outstanding balance in this financing account. However, the set-off amount should be made known to you.

(d) The Bank has the right to commence legal action against you and guarantor (if any) and/or liquidate/foreclose the collateral provided (if any).

(e) Legal action against you may affect the credit rating leading to credit being more difficult or expensive.

**7. What if I fully settle the facility before its maturity?**

The Bank will grant *ibra'* (rebate), if any, on such amount of the balance of the Bank's Selling Price remaining unpaid by you based on the following situations:-

(a) For variable rate financing, in the event the amount of profit calculated based on effective profit rate is lower than amount of profit calculated based on the ceiling/ contracted profit rate.

(b) Upon full settlement of the Facility by you in the following scenarios:-

i. Redemption or prepayment of the Facility.
ii. Due to restructuring exercise.
iii. In the case of default by you.
iv. In the event of termination or cancellation of the Facility before the expiry date.

In case of full payment before the maturity, *ibra'* (rebate) over the deferred profit (unaccrued profit) will be given. The *ibra'* (rebate) to be granted will be reduced by the Bank's Early Settlement Charges ("ESC") rate, which will be calculated based on the following formula:

$$ESC = \frac{p \times r \times t}{365 \text{ or } 366 \text{ days}}$$

p = Principal balance outstanding
r = ESC rate per annum
t = Number of remaining days of the tenure of a facility (or profit period)

Note:

i. Total ESC amount will not exceed the remaining deferred profit.
ii. The maximum period for computation of "t" is only up to 366 days.
iii. Subject to the Bank's prevailing ESC rate

**8. Do I need any takaful coverage?**

Yes, takaful coverage is required to adequately protect the asset. You may choose to take the Takaful coverage with any takaful company deemed acceptable by the Bank.

**9. What are the major risks?**

(a) Fixed Rate

This product is offered with a fixed rate basis. Therefore, no impact on the movement of the reference rate. In circumstances where the prevailing rate is lower than agreed fixed rates, you are bound to pay at the contracted rate.

(b) Variable rate:

- The variable rate is pegged against a reference rate and it may vary from time to time.
- The profit rate may change according to change(s) in the reference rate (i.e. Islamic Cost of Fund). An increase in profit rate may result in higher instalment payment. However, the profit rate increase is capped at the ceiling profit rate stated above.

(c) The Bank may take legal action if you do not keep up with your payment.

**10. Do I need a guarantor or collateral?**

(a) A guarantor(s) is to be provided if required.
(b) Collateral is to be provided if required and must be acceptable to Shariah.

**Note:** The requirements above are depending on your creditworthiness.

**11. What do I need to do if there is change(s) to my contact details?**

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure all correspondences reach you in a timely manner. For assistance, you may contact / notify in writing to your respective Relationship Manager.

**12. Where can I get assistance and redress?**

- If you wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at:

  Contact Centre – One Stop Resolution
  Level 18, Menara AmBank
  No. 8, Jalan Yap Kwan Seng
  50450 Kuala Lumpur
  Tel: 03-21788888
  Email: customercare@ambankgroup.com

- If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

  Block D, Bank Negara Malaysia
  Jalan Dato' Onn,
  50480 Kuala Lumpur
  Tel: 1-300-88-5465
  Fax: 03-2174 1515
  E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my

**13. Where can I get further information?**

For details of benefits, fees and charges, you can visit www.ambankgroup.com

**14. Other products available:**

- Term Financing-i
- Revolving Credit-i
- Complementary Term Financing-i

**IMPORTANT NOTE: THE BANK MAY TAKE LEGAL ACTION IF YOU DO NOT KEEP UP WITH YOUR PAYMENT.**

The information provided in this product disclosure sheet is valid from 30 November 2022 until the next update. Kindly visit www.ambankgroup.com for the latest information.

# LEMBARAN PENYATAAN PRODUK
# FASILITI KEMUDAHAN TUNAI-i

| | |
|---|---|
| **Sila baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Fasiliti Kemudahan Tunai-i. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Fasiliti. Anda dengan ini diingatkan untuk sentiasa bertanya dan mendapatkan nasihat guaman sendiri. Sila rujuk kepada wakil AmBank Islamic Berhad yang diberikuasa jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam terma-terma am yang dinyatakan di sini.** | **AmBank Islamic Berhad**<br><br>**Fasiliti Kemudahan Tunai-i**<br><br>**Tarikh Kuat Kuasa: 30 November 2022** |

**1. Apakah yang saya perlu ketahui mengenai produk ini?**

Fasiliti Kemudahan Tunai-i ("Kemudahan Tunai-i") ialah kemudahan pembiayaan patuh Syariah untuk tujuan (termasuk tetapi tidak terhad kepada) keperluan modal kerja, pemilikan asset, perkembangan perniagaan sedia ada, penyambung pembiayaan, penebusan & pembiayaan semula yang akan dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan.

**2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?**

Konsep Syariah yang diguna pakai adalah *Tawarruq* (penjualan tiga pihak), kontrak Syariah *Wakalah* (perwakilan), *Murabahah* (jualan dengan keuntungan) dan *Wa'd* (janji) juga diguna pakai dalam aturan *Tawarruq* ini.

*Tawarruq* merujuk kepada dua kontrak jual beli komoditi. Kontrak jual beli pertama melibatkan jualan komoditi oleh penjual kepada pembeli pada bayaran tertangguh. Seterusnya, pembeli dalam kontrak jual beli pertama akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan secara langsung.

*Wakalah* merujuk kepada kontrak yang mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) memberi mandat kepada pihak yang lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas tertentu. Dalam produk ini, pelanggan melantik Bank sebagai wakil untuk melaksanakan transaksi *Tawarruq*. Dalam produk ini, anda melantik Bank sebagai ejen tanpa had untuk melaksanakan Tawarruq.

*Murabahah* merujuk kepada penjualan dan pembelian komoditi di mana kos pemerolehan dan keuntungan dinyatakan kepada pelanggan.

*Wa'd* merujuk kepada janji (sebelah pihak) atau akujanji yang mana merujuk kepada ungkapan komitmen yang diberikan Pelanggan kepada Bank untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa akan datang.

Aturan urus niaga *Tawarruq* adalah seperti yangberikut:

i. Anda melantik Bank sebagai wakil untuk membeli komoditi daripada Bank dan menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak ketiga.
ii. Lanjutan kepada permintaan untuk belian dan akujanji anda, Bank akan membeli komoditi daripada mana-mana pihak ketiga pada harga kos. Anda mempunyai hak untuk memohon dan mengambil pemilikan fizikal Komoditi pada kos dan perbelanjaan anda Sendiri.
iii. Bank menjual komoditi yang dipersetujui kepada anda pada Harga Jualan Aset pada bayaran tertangguh.
iv. Bank menjual komoditi anda bagi pihak anda kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang bersamaan dengan jumlah pembiayaan.
v. Hasil jualan akan dikeluarkan kepada anda selaras dengan terma dan syarat yang telahdipersetujui.

Jenis aset yang digunakan: Komoditi patuh Syariah yang didagangkan di platform yang diluluskan oleh Bank.

**3. Apakah yang akan saya dapat dari produk ini?**

(a) Tempoh:_______________(Maksimum 10 tahun)
(b) Struktur kadar keuntungan:

Kadar Tetap
Kadar tetap atau rujuk ukur sekali sahaja bersandarkan Kos Dana Secara Islam atau Kadar Pembiayaan Asas atau kadar asas lain yang dipersetujui pihak yang meluluskan. Kadar tetap sepanjang tempoh pembiayaan.

Kadar Bolehubah
Kadar bolehubah ditetapkan bersandarkan Kos Dana Secara Islam atau Kadar Pembiayaan Asas atau kadar asas lain yang dipersetujui pihak yang meluluskan dengan jumlah keuntungan maksima ditentukan diawalnya berdasarkan kadar had.

(c) Kadar Siling:____________(terpakai untuk kadar bolehubah)
(d) Jumlah pembiayaan: _______________
(e) Matawang asing yang ditawarkan: Tertakluk pada permintaan pelanggan dan ketersediaan matawang tersebut.
(f) Harga Jualan Aset

Formula pengiraan Harga Jualan Aset:
Harga Jualan Aset = Harga Belian (Jumlah prinsipal/pembiayaan) + jumlahkeuntungan

Formula pengiraan jumlah keuntungan:
Jumlah Keuntungan = Harga Belian x kadar keuntungan x tempoh / 365 atau 366 hari

Ilustrasi untuk Pengiraan Harga Jualan Aset:

| | |
|---|---|
| Harga Belian (Jumlah prinsipal/pembiayaan) | RM500,000 |
| Kadar keuntungan | 5.2% setahun |
| Tempoh | 5 tahun |
| Jumlah Keuntungan | RM130,000 |
| Harga Jualan Aset | RM630,000 |

**4. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?**

a) Anda dikehendaki melangsaikan Harga Jualan Aset sepenuhnya pada tarikh matang.

b) Anda dikehendaki untuk memastikan dana yang mencukupi dalam akaun semasa anda dengan kami untuk mendebit fi dan caj terpakai.

c) Anda dikehendaki untuk memastikan had Kemudahan Tunai-i adalah aktif dan mencukupi untuk penggunaan.

**5. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?**

| No. | Jenis Fi dan Caj | Tarif |
|---|---|---|
| 1 | Duti Setem | Seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989) |
| 2 | Fi Guaman | Seperti yang ditetapkan oleh peguam cara |
| 3 | Fi Penilaian | Seperti yang ditetapkan oleh penilai |
| 4 | Fi Jaminan CGC | Seperti yang ditetapkan oleh pemberi jaminan |
| 5 | Sumbangan Takaful | Seperti yang ditetapkan oleh penyedia takaful jika berkaitan |
| 6 | Yuran Dagangan | Fi dagangan komoditi yang dikenakan adalah menurut kadar tarif sebenar yang dikenakan dari semasa ke semasa oleh Bursa Malaysia Islamic Services Sdn Bhd ("BMIS") atau platform dagangan komoditi lain yang diluluskan oleh Bank |
| 7 | Caj Lewat Bayar | Rujuk kepada item '6' di bawah |
| 8 | Caj Penyelesaian Awal | Rujuk kepada item '7' di bawah |
| 9 | Fi Lain-lain | Yuran pendaftaran, yuran carian tanah dan yuran carian kebankrapan |

Nota:

- Sebut harga yuran atau caj yang dinyatakan adalah termasuk Cukai. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada kadar cukai atau kebolehpakaian cukai atas mana-mana yuran atau caj, pihak Bank berhak untuk mengubah jumlah yang perlu dibayar.
- Sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam yuran dan caj, pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya

**6. Bagaimana sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?**

a) Sekiranya anda enggan atau gagal untuk membuat pembelian, anda perlu bertanggungjawab bagi pelanggaran perjanjian itu dan hendaklah memberi pampasan kepada Bank untuk semua kos yang terlibat dalam pembelian komoditi, pelupusan komoditi kepada pihak ketiga dan perbezaan antara harga pelupusan dan harga belian (jika ada).

b) Anda dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada anda caj lewat bayar bagi kegagalan anda untuk membuat:

i. Bayaran ansuran tertunggak dan/atau jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh anda kepada Bank; dan/atau

ii. Pembayaran selepas tarikh luput atau pembatalan Kemudahan Tunai-i, pada kadar yang dinyatakan seperti di bawah:

| No. | Tempoh berkenaan | Kadar Caj Lewat Bayar | Ke atas Amaun |
|---|---|---|---|
| 1 | Sebelum tarikh matang | 1% setahun dikira atas dasar baki harian. | i. Ansuran tertunggak, akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh ansuran tertunggak dan/atau;<br>ii. Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak. |
| 2. | Selepas tarikh matang | Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki | Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh. |
| 3. | Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap pelanggan | Pada kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian daripada tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian. | Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan dalam penghakiman), yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman. |

Nota:

i. Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.

ii. Jumlah caj lewat bayar tidak boleh melebihi amaun prinsipal tertunggak.

iii. Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

iv. Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperoleh.

v. Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.

(c) Hak untuk tolak-selesai: Bank berhak menolak selesai baki belum jelas dalam akaun pembiayaan ini dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda bersama kami

(d) Bank mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan/atau mencairkan/ menghalang / tebus cagaran yang diberi (jika ada).

(e) Tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal.

**7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?**

Bank akan memberi *ibra'* (rebat), sekiranya ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Bank yang masih belum dijelaskan oleh anda berdasarkan situasi berikut:-

(a) Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan dikira berdasarkan kadar keuntungan efektif adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan kadar keuntungan siling / dipersetujui.

(b) Berdasarkan kepada penyelesaian penuh Kemudahan oleh anda dalam situasi berikut:-

i. Penebusan atau prabayaran Kemudahan.
ii. Disebabkan penstrukturan semula Kemudahan.
iii. Di dalam kes ingkar oleh anda.
iv. Di dalam situasi penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh luput.

Sekiranya penyelesaian penuh dibuat sebelum tempoh matang, *ibra'* (rebat) ke atas keuntungan tertangguh (keuntungan belum terakru) akan diberikan. *Ibra'* (rebat) yang akan diberikan akan dikurangkan oleh kadar Caj Penyelesaian Awal ("ESC") Bank, yang mana akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{ESC} = \frac{p \times r \times t}{\text{365 atau 366 hari}}$$

p = Baki prinsipal tertunggak
r = Kadar ESC setahun
t = Nombor hari berbaki dari tempoh kemudahan (atau tempoh keuntungan)

Nota:

i. Amaun ESC keseluruhan tidak akan melebihi baki keuntungan tertangguh.
ii. Tempoh maksimum untuk pengiraan "t" hanya sehingga 366 hari.
iii. Tertakluk kepada kadar ESC semasa Bank.

**8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?**

Ya, perlindungan takaful diperlukan dengan secukupnya untuk melindungi asset. Anda bebas memilih perlindungan takaful dari mana-mana syarikat takaful yang diterima oleh Bank.

**9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?**

(a) Kadar Tetap
Produk ini ditawarkan kepada anda dengan kadar tetap. Dalam keadaan di mana Kadar Asas adalah lebih rendah daripada kadar tetap yang dipersetujui, anda terikat untuk membayar pada jumlah yang lebih tinggi.

(b) Kadar Boleh Ubah
- Kadar boleh ubah adalah berdasarkan pada kos dana secara Islam dan berubah dari semasa ke semasa.
- Kadar keuntungan boleh ubah selaras dengan perubahan kadar rujukan (iaitu KA). Kenaikan kadar keuntungan boleh menyebabkan bayaran bulanan lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan kadar keuntungan dihadkan kepada kadar keuntungan siling seperti di atas.

(c) Pihak Bank boleh mengambil tindakan undang-undang jika anda tidak teruskan dengan bayaran anda.

**10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

(a) Seorang penjamin (atau lebih) harus disediakan, jika perlu.
(b) Kesemua cagaran harus disediakan jika perlu dan mestilah diterima oleh Syariah.

Nota:
Syarat di atas bergantung kepada keupayaan kredit anda.

**11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumatperibadi?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh hubungi / maklumkan secara bertulis kepada Pegawai Perhubungan anda.

**12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

Contact Centre – One Stop Resolution
Level 18, Menara AmBank No. 8,
Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-21788888
Email: customercare@ambankgroup.com

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-21741515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

**13. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk butiran terperinci seperti manfaat dan caj dan yuran produk, anda boleh layari www.ambankgroup.com

**14. Produk-produk lain yang disediakan:**

- Pembiayaan Perdagangan-i
- Kredit Pusingan-i
- Pembiayaan Bertempoh Pelengkap-i

| PENTING! PIHAK BANK BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA ANDA TIDAK TERUSKAN DENGAN BAYARAN ANDA |
|---|
| Maklumat yang disediakan di dalam lembaran penyataan produk ini adalah sah dari 30 November 2022 sehingga kemas kini seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk maklumat terkini. |